



KEMENTERIAN
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

KENYATAAN MEDIA

PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI BULAN MEI 2023 DAN TEMPOH JANUARI-MEI 2023#

Lebihan Dagangan yang ke-37 Bulan Berturut-turut dengan Pertumbuhan Dua Digit

Malaysia telah mencatatkan lebihan dagangan yang ke-37 bulan berturut-turut pada Mei 2023 dengan pertumbuhan dua digit 21.4% kepada RM15.42 bilion. Seajar dengan permintaan global yang perlahan dan harga komoditi yang lebih rendah, jumlah perdagangan berkurang 2% kepada RM223.8 bilion. Eksport menunjukkan tanda pemulihan dengan mencatatkan pengurangan marginal sebanyak 0.7% kepada RM119.61 bilion berbanding penyusutan dua digit yang direkodkan bulan lepas. Import menurun 3.3% kepada RM104.19 bilion. Prestasi perdagangan ini seiring dengan negara serantau lain yang turut mencatatkan pertumbuhan perdagangan negatif seperti China, Taiwan dan Republik Korea (ROK).

Meskipun mencatatkan penyusutan, eksport ke rakan dagang utama khasnya China, Amerika Syarikat (AS) dan Jepun merekodkan peningkatan. Sementara itu, kenaikan eksport turut dicatatkan bagi keluaran petroleum, barang elektrik dan elektronik (E&E), jentera, kelengkapan dan peralatan serta barang makanan diproses.

Berbanding April 2023, perdagangan, eksport, import dan lebihan dagangan masing-masing merekodkan pertumbuhan dua digit 13.2%, 13.7%, 12.6% dan 22.1%.

Pada lima bulan pertama tahun 2023, jumlah perdagangan telah melepassi RM1 trilion yang bernilai RM1.066 trilion, menyusut sebanyak 1.7% berbanding tempoh yang sama

tahun 2022. Eksport menurun 2.3% kepada RM579.39 bilion dan import berkurang 1% kepada RM486.96 bilion. Lebihan dagangan berkurang 8.7% kepada RM92.43 bilion.

Prestasi Eksport Sektor Utama

Eksport Barang Perkilangan dan Hasil Galian Meningkat Setelah Catat Penurunan Dua Bulan Berturut-turut

Pada Mei 2023, eksport barang perkilangan yang merangkumi 85.4% atau RM102.18 bilion daripada jumlah eksport naik sebanyak 1.8% tahun ke tahun setelah mencatatkan pengurangan bagi dua bulan berturut-turut. Ini disumbangkan oleh kenaikan eksport keluaran petroleum, barang E&E, jentera, kelengkapan dan peralatan, barang makanan diproses serta barang optik dan saintifik.

Eksport hasil galian (7.7% syer) meningkat 5.9% tahun ke tahun kepada RM9.26 bilion disokong oleh eksport yang kukuh bagi gas asli cecair (LNG).

Eksport keluaran pertanian (6.2% syer) berjumlah RM7.44 bilion, menguncup 30.9% berbanding Mei 2022 disebabkan terutamanya oleh pengurangan nilai eksport bagi minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit.

Barangan eksport utama pada Mei 2023:

- Barangan E&E, bernilai RM46.53 bilion dan merangkumi 38.9% daripada jumlah eksport, meningkat 1.3% berbanding Mei 2022;
- Keluaran petroleum, RM13.81 bilion, 11.5% daripada jumlah eksport, meningkat 10.5%;
- Kimia dan bahan kimia, RM6.26 bilion, 5.2% daripada jumlah eksport, meningkat 1.7%;
- Minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit, RM5.41 bilion, 4.5% daripada jumlah eksport, menyusut 39.2%; dan
- LNG, RM5.24 bilion, 4.4% daripada jumlah eksport, meningkat 9.3%.

Perbandingan bulan ke bulan, eksport barang perkilangan, hasil galian dan keluaran pertanian masing-masing menokok sebanyak 12.5%, 43.7% dan 3.2%.

Bagi tempoh Januari hingga Mei 2023, eksport barang perkilangan menurun sebanyak 1.5% kepada RM492.15 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2022 berikutan pengurangan permintaan bagi keluaran getah, barang perkilangan logam, barang perkilangan berasaskan minyak sawit serta kimia dan bahan kimia. Walau bagaimanapun, eksport yang kukuh bagi keluaran petroleum, barang E&E, barang optik dan saintifik serta barang kertas dan palpa telah mengimbangi penurunan ini.

Eksport hasil galian meningkat 7.2% kepada RM45.56 bilion disokong oleh kenaikan eksport LNG.

Eksport keluaran pertanian bernilai RM38.23 bilion, mengurang 20.6%, kesan harga yang lebih rendah berbanding tahun 2022 bagi minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit.

Prestasi Perdagangan dengan Pasaran Utama

ASEAN – Eksport Barang E&E Meningkat pada Mei

Pada Mei 2023, perdagangan dengan ASEAN mewakili 28.4% atau RM63.61 bilion daripada jumlah perdagangan Malaysia, berkurang 5% tahun ke tahun. Eksport menurun 1.6% kepada RM36.38 bilion, disebabkan oleh pengurangan permintaan bagi minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, barang besi dan keluli serta keluaran petroleum. Meskipun mencatatkan pengurangan, eksport yang kukuh telah direkodkan bagi barang E&E, jentera, kelengkapan dan peralatan serta barang makanan diproses. Import dari ASEAN menyusut 9.1% kepada RM27.24 bilion.

Pecahan eksport ke negara ASEAN:

- Singapura RM19.60 bilion, meningkat 6.8%;
- Thailand RM5.12 bilion, ↓8.8%;

- Indonesia RM4.19 bilion, ↓11.8%;
- Viet Nam RM4.09 bilion, ↓0.7%;
- Filipina RM2.19 bilion, ↓21.5%;
- Myanmar RM467.5 juta, ↑16.7%;
- Brunei RM410.9 juta, ↓27.2%;
- Kemboja RM303.3 juta, ↑107.0%; dan
- Lao PDR RM11.3 juta, ↓95.7%.

Eksport ke pasaran utama ASEAN, **Singapura** berkembang sebanyak RM1.26 bilion disumbangkan oleh eksport yang kukuh bagi barang E&E. Sementara itu, eksport ke **Myanmar** meningkat RM66.9 juta disokong oleh kenaikan eksport keluaran petroleum.

Berbanding April 2023, perdagangan, eksport dan import masing-masing mencatatkan pertumbuhan dua digit 19.4%, 17.8% dan 21.6%.

Bagi tempoh Januari hingga Mei 2023, perdagangan dengan ASEAN jatuh sebanyak 1.2% kepada RM293.08 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2022. Eksport meningkat 1% kepada RM172.99 bilion disokong oleh kenaikan eksport keluaran petroleum dan barang E&E. Import dari ASEAN menyusut 4.2% kepada RM120.08 bilion.

China – Eksport Meningkat Setelah Menyusut Lima Bulan Berturut-turut

Pada Mei 2023, perdagangan dengan China yang menyumbang 16.6% atau RM37.07 bilion kepada jumlah perdagangan Malaysia berkurang secara marginal sebanyak 0.2% tahun ke tahun. Eksport ke China berkembang 1.5% kepada RM15.49 bilion setelah mencatatkan penyusutan selama lima bulan berturut-turut. Pertumbuhan ini telah dipacu oleh peningkatan permintaan bagi bijih logam dan serpihan logam, LNG serta kimia dan bahan kimia. Import dari China berkurang 1.4% kepada RM21.58 bilion.

Berbanding April 2023, perdagangan, eksport dan import masing-masing berkembang 8.9%, 12.1% dan 6.7%.

Perdagangan dengan China pada tempoh Januari hingga Mei 2023 mengurang 4.3% kepada RM179.76 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2022. Eksport

menguncup 8.9% kepada RM75.31 bilion berikutan penyusutan eksport barang besi dan keluli, barang E&E dan keluaran petroleum. Namun begitu, eksport yang kukuh telah direkodkan bagi LNG serta bijih logam dan serpihan logam. Import dari China turun 0.6% kepada RM104.45 bilion.

AS – Eksport Meningkat dengan Pertumbuhan Dua Digit

Perdagangan dengan AS pada Mei 2023 yang merangkumi 9.3% daripada jumlah perdagangan Malaysia meningkat sebanyak 4.4% tahun ke tahun kepada RM20.9 bilion. Eksport kembali kukuh dengan peningkatan dua digit sebanyak 14.9% kepada RM13.77 bilion selepas merekodkan pertumbuhan negatif pada bulan lepas. Ini dipacu oleh kenaikan eksport yang kukuh khasnya bagi barang E&E. Import dari AS berkurang 11.3% kepada RM7.13 bilion.

Perbandingan bulan ke bulan, perdagangan, eksport dan import masing-masing naik sebanyak 17.4%, 22.3% dan 8.9%.

Bagi tempoh Januari hingga Mei 2023, perdagangan dengan AS berkurang secara marginal sebanyak 0.5% kepada RM98.35 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2022. Eksport meningkat sebanyak 2.5% kepada RM63.98 bilion disokong oleh kenaikan eksport barang E&E dan keluaran petroleum. Import dari AS menurun 5.6% kepada RM34.37 bilion.

EU – Eksport Barang E&E Meningkat Walaupun Eksport Keseluruhan Jatuh

Pada Mei 2023, perdagangan dengan Kesatuan Eropah (EU) menyerap 7.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia, menyusut 1.2% tahun ke tahun kepada RM17.2 bilion. Eksport bernilai RM9.15 bilion, mengurang 6.1% berikutan penurunan eksport minyak sawit dan keluaran berasaskan minyak sawit serta barang besi dan keluli. Walau bagaimanapun, pertumbuhan eksport telah direkodkan bagi barang E&E, keluaran petroleum dan barang makanan diproses. Import dari EU naik 5.1% kepada RM8.05 bilion.

Pecahan eksport ke 10 pasaran utama EU yang mewakili 91.8% daripada jumlah eksport Malaysia ke EU adalah:

- Belanda RM2.71 bilion, menyusut 18.2%;
- Jerman RM2.54 bilion, ↑15.8%;
- Belgium RM747.7 juta, ↑20.4%;
- Perancis RM609.4 juta, ↑4.9%;
- Sepanyol RM569.3 juta, ↓5.1%;
- Itali RM477.0 juta, ↓27.9%;
- Poland RM257.2 juta, ↓2.6%;
- Hungary RM179.5 juta, ↓21.4%;
- Sweden RM163.4 juta, ↓31.3%; dan
- Republik Czech RM153.1 juta, ↓42.9%.

Eksport ke pasaran utama EU yang merekodkan pertumbuhan adalah **Jerman**, meningkat sebanyak RM346.4 juta disumbangkan oleh kenaikan eksport barang E&E, **Belgium** (↑RM126.7 juta, barang besi dan keluli) dan **Perancis** (↑RM28.5 juta, barang optik dan saintifik).

Berbanding April 2023, perdagangan, eksport dan import masing-masing meningkat 10.2%, 13.5% dan 6.6%.

Bagi tempoh lima bulan pertama tahun 2023, perdagangan dengan EU menyusut 1.1% kepada RM84.87 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2022. Eksport bernilai RM46.5 bilion, menguncup 9.4% berikutan pengurangan eksport barang E&E, minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit serta keluaran getah. Namun begitu, kenaikan eksport telah dicatatkan bagi keluaran petroleum, barang optik dan saintifik serta minyak sayuran lain. Import dari EU meningkat 11.3% kepada RM38.37 bilion.

Jepun – Eksport Meningkat Disokong oleh LNG

Pada Mei 2023, perdagangan dengan Jepun yang merangkumi 6% atau RM13.45 bilion daripada jumlah perdagangan Malaysia berkembang 0.2% tahun ke tahun. Eksport naik 2.1% kepada RM7.17 bilion setelah mencatatkan pertumbuhan negatif pada bulan

lepas. Ini telah disokong oleh eksport yang kukuh bagi petroleum mentah dan LNG. Import dari Jepun menyusut 1.9% kepada RM6.28 bilion.

Perbandingan bulan ke bulan, perdagangan, eksport dan import masing-masing merekodkan pertumbuhan dua digit 19.6%, 19.5% dan 19.8%.

Bagi tempoh Januari hingga Mei 2023, perdagangan dengan Jepun berkurang 4.7% kepada RM67 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2022. Eksport berjumlah RM36.84 bilion, menurun 1.5% berikutan penyusutan eksport barang perkilangan logam, barang perkilangan berasaskan minyak sawit serta barang kayu. Pengurangan ini walau bagaimanapun telah diimbangi oleh eksport yang kukuh bagi LNG dan petroleum mentah. Import dari Jepun menurun 8.2% kepada RM30.16 bilion.

Perdagangan dengan Rakan Dagang FTA

Pada Mei 2023, perdagangan dengan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang menyumbang 68.3% atau RM152.9 bilion kepada jumlah perdagangan Malaysia menurun 1.9% tahun ke tahun. Eksport ke rakan dagang FTA menokok sebanyak 0.3% kepada RM83.89 bilion dan import menyusut 4.5% kepada RM69 bilion.

Kenaikan eksport telah direkodkan ke **Australia** yang meningkat 28.7% kepada RM4.89 bilion, **ROK**, (\uparrow 10.3% kepada RM4.65 bilion) dan **New Zealand** (\uparrow 5.5% kepada RM794.7 juta) disokong oleh eksport yang kukuh bagi keluaran petroleum. Eksport ke **Mexico** menokok 6.8% kepada RM1.35 bilion disumbangkan oleh pertambahan eksport barang besi dan keluli manakala eksport ke **Peru** (\uparrow 60.5% kepada RM58.4 juta, jentera, kelengkapan dan peralatan).

Berbanding April 2023, perdagangan, eksport dan import masing-masing naik sebanyak 14.1%, 12.2% dan 16.5%.

Perdagangan dengan rakan dagang FTA pada lima bulan pertama tahun 2023 menurun 1.7% kepada RM723.85 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2022. Eksport

menyusut secara marginal sebanyak 0.6% kepada RM406.02 bilion manakala import mengurang 3% kepada RM317.82 bilion.

Prestasi Import

Jumlah import pada Mei 2023 mengurang 3.3% tahun ke tahun kepada RM104.19 bilion. Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir yang merangkumi 71.2% daripada jumlah keseluruhan import adalah:

- **Barangan pengantara**, bernilai RM55.34 bilion atau 53.1% daripada jumlah import, menyusut 12.3% tahun ke tahun, berikutan pengurangan import alat ganti dan aksesori bagi barangan modal bukan kelengkapan pengangkutan;
- **Barangan modal**, bernilai RM9.95 bilion atau 9.6% daripada jumlah import, meningkat 13.7%, berikutan kenaikan import barangan modal bukan kelengkapan pengangkutan; dan
- **Barangan penggunaan**, bernilai RM8.87 bilion atau 8.5% daripada jumlah import, berkembang sebanyak 4.5%, hasil pertambahan import bagi barangan makanan dan minuman diproses khusus untuk penggunaan isi rumah.

Pada tempoh Januari hingga Mei 2023, import berkurang 1% kepada RM486.96 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2022. Import **barangan pengantara** mengurang 10.1% kepada RM251.56 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lepas, **barangan modal** ($\uparrow 5\%$ kepada RM47.35 bilion) dan **barangan penggunaan** ($\uparrow 1.1\%$ kepada RM41.59 bilion).

Nota:

- Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barang untuk perhitungan imbalan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barang fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya *International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010)* yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barang didefinisikan sebagai “barang fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran”.
- Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan “PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN” yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada Rabu, 28 Jun 2023 dan boleh dimuat turun melalui eStatistik di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epLogin.seam>).
- Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).
- Data bulan Mei 2023 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.
- Mulai bulan rujukan April 2018, pemilihan kod untuk eksport dan import bagi minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit telah dikaji semula serta dikemaskini untuk lebih mewakili barang tersebut, dan ini telah menyebabkan sedikit perubahan pada data.
- 22 rakan dagang FTA terdiri daripada China, Singapura, Jepun, Thailand, Republik Korea, Indonesia, India, Australia, Viet Nam, Filipina, New Zealand, Turkiye, Pakistan, Myanmar, Kemboja, Brunei, Chile, Lao PDR, Hong Kong SAR, Kanada, Mexico dan Peru.
- Mulai bulan rujukan Februari 2020, Kesatuan Eropah (EU) adalah tidak termasuk United Kingdom.
- Bermula bulan rujukan Jun 2022, Harmonised Commodity description and Coding system 2022 (HS2022) yang juga dikenali sebagai Perintah Duti Kastam (PDK2022) telah digunakan dalam penyusunan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri (barang). Klasifikasi ini menggantikan HS2017 yang digunakan pada April 2017 sehingga Mei 2022. Walau bagaimanapun, pengelasan mengikut Standard International Trade Classification (SITC) Rev.4 masih digunakan dengan penyelarasan bersetujuan.
- Jumlah bagi pengiraan tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran.

JADUAL 1: RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

<u>Tahun/ Tempoh</u>	<u>Jumlah Ekspor (RM Juta)</u>	<u>Jumlah Import (RM Juta)</u>	<u>Imbalan Perdagangan (RM Juta)</u>	<u>Jumlah Perdagangan (RM Juta)</u>
2022^p				
Januari	111,068.0	92,507.4	18,560.6	203,575.5
Februari	102,266.2	82,451.8	19,814.4	184,718.0
Mac	131,559.5	104,911.9	26,647.6	236,471.3
April	127,584.7	104,105.0	23,479.7	231,689.8
Mei	120,491.6	107,793.9	12,697.8	228,285.5
Jun	146,026.3	124,162.8	21,863.5	270,189.2
Julai	134,073.9	118,488.8	15,585.1	252,562.7
Ogos	141,271.2	124,234.4	17,036.8	265,505.6
September	144,253.1	112,415.9	31,837.2	256,669.1
Oktober	131,586.2	113,525.1	18,061.1	245,111.3
November	129,663.9	107,907.1	21,756.7	237,571.0
Disember	131,774.5	103,631.8	28,142.6	235,406.3
2022 (Jan-Dis) ^p	1,551,619.2	1,296,136.0	255,483.1	2,847,755.2
2023^p				
Januari	112,655.3	94,524.7	18,130.5	207,180.0
Februari	112,268.5	92,699.9	19,568.6	204,968.4
Mac	129,668.2	102,979.8	26,688.5	232,648.0
April	105,192.9	92,566.7	12,626.2	197,759.6
Mei	119,607.2	104,188.2	15,419.0	223,795.4
<i>Perubahan m-o-m (%)</i>	<i>13.7</i>	<i>12.6</i>	<i>22.1</i>	<i>13.2</i>
<i>Perubahan y-o-y (%)</i>	<i>-0.7</i>	<i>-3.3</i>	<i>21.4</i>	<i>-2.0</i>
Jan-Mei 2022 ^p	592,970.1	491,770.0	101,200.1	1,084,740.1
Jan-Mei 2023 ^p	579,392.2	486,959.3	92,432.9	1,066,351.5
<i>Perubahan y-o-y (%)</i>	<i>-2.3</i>	<i>-1.0</i>	<i>-8.7</i>	<i>-1.7</i>

Nota: Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran

JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT (MEI)

Barangan	Mei 2023 ^p	Apr 2023 ^p	Mei 2022 ^p	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	119,607.2	105,192.9	120,491.6	13.7	-0.7
Barangan E&E	46,528.1	44,197.1	45,926.8	5.3	1.3
Keluaran Petroleum	13,810.1	11,518.3	12,501.6	19.9	10.5
Kimia & Bahan Kimia	6,260.4	4,821.1	6,154.0	29.9	1.7
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	5,413.9	5,446.9	8,907.2	-0.6	-39.2
LNG	5,241.0	3,800.6	4,794.9	37.9	9.3
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	5,002.4	3,680.5	4,426.6	35.9	13.0
Barangan Perkilangan Logam	4,714.4	4,632.7	4,859.3	1.8	-3.0
Barangan Optik & Saintifik	4,319.4	3,930.5	3,872.1	9.9	11.5
Petroleum Mentah	2,680.4	1,529.8	2,836.4	75.2	-5.5
Barangan Perkilangan Berasaskan Minyak Sawit	2,646.0	2,529.0	3,716.4	4.6	-28.8

JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT (MEI)

Pasaran	Mei 2023 ^p	Apr 2023 ^p	Mei 2022 ^p	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	119,607.2	105,192.9	120,491.6	13.7	-0.7
Singapura	19,598.1	16,728.8	18,342.8	17.2	6.8
China	15,487.2	13,818.8	15,263.4	12.1	1.5
AS	13,769.6	11,256.8	11,986.5	22.3	14.9
Jepun	7,172.0	6,003.6	7,025.7	19.5	2.1
Hong Kong SAR	7,012.0	6,852.8	7,661.5	2.3	-8.5
Thailand	5,116.2	4,250.3	5,611.1	20.4	-8.8
Australia	4,892.3	4,371.7	3,800.0	11.9	28.7
ROK	4,647.0	4,861.6	4,215.0	-4.4	10.3
Indonesia	4,192.9	4,088.3	4,755.0	2.6	-11.8
Viet Nam	4,092.6	3,593.2	4,119.6	13.9	-0.7

JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI-MEI)

Barangan	Jan-Mei 2023 ^p	Jan-Mei 2022 ^p	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Eksport	579,392.2	592,970.1	-2.3
Barangan E&E	232,652.9	230,552.9	0.9
Keluaran Petroleum	61,832.5	45,038.0	37.3
Kimia & Bahan Kimia	29,561.8	33,098.6	-10.7
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian			
Berasaskan Minyak Sawit	28,804.2	38,531.7	-25.2
LNG	26,800.9	22,607.5	18.5
Barangan Perkilangan Logam	23,112.0	28,261.1	-18.2
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	22,692.9	23,433.5	-3.2
Barangan Optik & Saintifik	21,628.0	21,017.5	2.9
Barangan Perkilangan Berasaskan Minyak Sawit	13,400.0	17,935.8	-25.3
Petroleum Mentah	11,588.6	12,001.9	-3.4

JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI-MEI)

Pasaran	Jan-Mei 2023 ^p	Jan-Mei 2022 ^p	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Eksport	579,392.2	592,970.1	-2.3
Singapura	93,439.4	84,952.1	10.0
China	75,312.9	82,688.3	-8.9
AS	63,981.3	62,414.8	2.5
Jepun	36,839.0	37,417.4	-1.5
Hong Kong SAR	35,888.2	34,478.6	4.1
Thailand	25,624.3	26,965.7	-5.0
ROK	22,680.3	21,201.7	7.0
Australia	21,033.0	18,025.6	16.7
Indonesia	20,476.8	19,592.1	4.5
India	18,564.8	22,000.9	-15.6

JADUAL 6: BARANGAN UTAMA IMPORT (MEI)

Barangan	Mei 2023 ^p	Apr 2023 ^p	Mei 2022 ^p	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	104,188.2	92,566.7	107,793.9	12.6	-3.3
Barangan E&E	28,609.5	27,220.5	35,618.9	5.1	-19.7
Keluaran Petroleum	13,036.8	11,952.0	11,941.5	9.1	9.2
Kimia & Bahan Kimia	9,777.1	8,080.4	9,482.8	21.0	3.1
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	8,037.2	6,307.4	6,639.7	27.4	21.0
Barangan Perkilangan Logam	5,587.5	4,999.5	5,132.0	11.8	8.9
Petroleum Mentah	5,202.9	3,301.8	2,388.7	57.6	117.8
Kelengkapan Pengangkutan	4,697.9	4,703.5	3,440.9	-0.1	36.5
Barangan Besi & Keluli	3,286.9	2,701.3	3,115.8	21.7	5.5
Barangan Optik & Saintifik	2,465.1	2,176.8	2,444.1	13.2	0.9
Barangan Makanan Diproses	2,310.2	2,179.7	2,459.8	6.0	-6.1

JADUAL 7: SUMBER UTAMA IMPORT (MEI)

Sumber	Mei 2023 ^p	Apr 2023 ^p	Mei 2022 ^p	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	104,188.2	92,566.7	107,793.9	12.6	-3.3
China	21,582.1	20,225.6	21,892.0	6.7	-1.4
Singapura	13,601.6	10,255.6	12,471.7	32.6	9.1
AS	7,133.8	6,553.4	8,043.7	8.9	-11.3
Taiwan	7,117.5	6,479.5	8,387.2	9.8	-15.1
Jepun	6,282.5	5,243.7	6,403.5	19.8	-1.9
Indonesia	5,057.2	4,242.9	5,315.2	19.2	-4.9
ROK	4,984.2	4,490.9	5,009.8	11.0	-0.5
Thailand	4,875.8	4,063.8	4,739.8	20.0	2.9
Arab Saudi	4,103.0	2,757.5	2,241.3	48.8	83.1
India	3,160.6	2,038.2	2,491.3	55.1	26.9

JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI-MEI)

Barangan	Jan-Mei 2023 ^p	Jan-Mei 2022 ^p	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Import	486,959.3	491,770.0	-1.0
Barangan E&E	142,369.7	155,000.8	-8.1
Keluaran Petroleum	57,877.8	45,003.1	28.6
Kimia & Bahan Kimia	44,020.7	48,105.9	-8.5
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	34,233.9	33,816.7	1.2
Barangan Perkilangan Logam	26,474.5	25,225.6	5.0
Petroleum Mentah	22,606.7	16,161.9	39.9
Kelengkapan Pengangkutan	21,895.9	16,318.6	34.2
Barangan Besi & Keluli	12,920.1	14,821.9	-12.8
Barangan Optik & Saintifik	11,983.8	11,957.4	0.2
Barangan Makanan Diproses	11,358.4	11,839.3	-4.1

JADUAL 9: SUMBER UTAMA IMPORT (JANUARI-MEI)

Sumber	Jan-Mei 2023 ^p	Jan-Mei 2022 ^p	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Import	486,959.3	491,770.0	-1.0
China	104,451.9	105,097.8	-0.6
Singapura	54,934.4	50,360.6	9.1
Taiwan	35,147.6	38,082.4	-7.7
AS	34,367.1	36,395.7	-5.6
Jepun	30,156.3	32,857.3	-8.2
Indonesia	25,034.4	29,388.4	-14.8
ROK	23,193.2	23,130.6	0.3
Thailand	22,146.8	22,762.4	-2.7
Arab Saudi	16,720.3	10,185.1	64.2
Australia	14,362.7	12,445.5	15.4

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

Disediakan oleh: MATRADE

Nota:

p – data provisional

CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2017 – MEI 2023[#]

